

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SELANGOR)

TARIKH: 18 JULAI 2017

MUKA SURAT: 35

700 unit PPR, PA Bandar Tun Razak dibaiki

KUALA LUMPUR - Sejumlah 700 unit projek perumahan rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Parlimen Bandar Tun Razak terpilih bagi kerja-kerja baik pulih dalam unit.

Ketua Umno Bahagian Bandar Tun Razak, Datuk Rizalman Mokhtar berkata, kerja-kerja berkenaan melibatkan peruntukan berjumlah hampir RM3 juta.

Menurutnya, ia merupakan sebahagian daripada peruntukan berjumlah RM100 juta yang diumumkan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri

Tengku Adnan Tengku Mansor bagi projek memperindah dan mencantikkan kawasan flat.

"Projek ini melibatkan seluruh Kuala Lumpur, namun ada parlimen-parlimen yang diberi tumpuan khas bagi pelaksanaan ini.

"Kos pembaikan setiap unit adalah antara RM2,000 hingga RM4,000, bergantung kepada jenis kerosakan," katanya ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Umno Bahagian Bandar Tun Razak, di sini.

Sekurang-kurangnya 7,000 masyarakat parlimen itu membanjiri majlis yang

diadakan di Padang Bila Sepak PA Sri Johor itu.

Rizalman berkata, beliau tidak menolak sambutan yang diberikan berdasarkan inisiatif yang banyak dilaksanakan kerajaan di parlimen itu.

Katanya, banyak usaha yang sedang dan akan dibuat demi kesejahteraan masyarakat Bandar Tun Razak terutamanya melibatkan penduduk PPR dan PA DBKL.

"Proses mengecat bangunan juga sedang berjalan. Kita juga berjaya menyediakan projek parkir bertingkat di tujuh kawasan PPR yang kini sedang giat



Rizalman melayan tetamu masyarakat Cina yang turut hadir pada rumah terbuka berkenaan.